

Berita ini dinamakan "Berita PESUTM". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. Berita PESUTM ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuar-urakan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan Berita PESUTM ini hanya dalam bentuk digital.



SPada majlis ini, empat kategori anugerah disampaikan. Kategori anugerah yang dimaksudkan terdiri daripada 108 penerima Anugerah Jasa Abadi (AJA), seramai 152 penerima Anugerah Jasa Bakti (AJB) (perkhidmatan genap 20 tahun), 24 penerima Anugerah Jasa Setia (AJS) (perkhidmatan genap 30 tahun) dan tiga orang penerima Anugerah Delima (AD) (perkhidmatan genap 40 tahun)

AHLI JAWATANKUASA & BIRO PERSATUAN PESARA UTM 2023-2025

YANG DIPERTUA

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus

TIMBALAN YANG DIPERTUA

Tuan Haji Salleh Mohamad

SETIAUSAHA

Saudara Roslan Abd Ghani

PENOLONG SETIAUSAHA

Haji Ansar Sidek

BENDAHARI

Haji Jamaludin Harun

PENOLONG BENDAHARI

Dr. Hafizah Harun

BIRO SERANTA

Haji Khalid Mazlan | **Ketua**

Haji Bakri Mohd Dahlan

Cik Siti Zaiton Borham

BIRO EKONOMI

Puan Kasuma Masjuriyah B. Basar | **Ketua**

Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal Idris

En. Muhamad Saad Sulaiman

Puan Faridah Hussein

En. Abdul Hadi Othman

En. Othman Adon

BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL

Haji Dahari Derani | **Ketua**

Haji Zainal Abidin Hassan

Puan Abrizah Abd. Rahim

Puan Ramlah Husin

En. Abdul Wahab Laberahimah

En. Razali Jantan

BIRO KHIDMAT PROFESIONAL

Haji Ismael Samat | **Ketua**

Haji Zainul Rashid Abu Bakar

Haji Md Noh Main

En. Mohd Sofian Mohd Amran


Haji Abdul Razib Haji Shahuddin

SKUDAI | 11 Oktober 2023

PERSATUAN PESARA UTM BUKA KAUNTER PENDAFTARAN AHLI SEMENA MAJLIS SANJUNGAN BUDI TAHUN 2023

Keahlian bagi sesebuah persatuan tak kira apa juga bentuk atau aktiviti persatuan tersebut, terbukti benar ahli merupakan aset yang signifikan penting, bermakna dan bernilai dalam rangka memastikan persatuan itu mampu dan dapat memainkan peranan ke arah menjayakan matlamat penubuhannya. Justeru atas asas ini, pada 11 Oktober 2023 lalu bertempat di Dewan Sultan Iskandar UTM Skudai, Persatuan Pesara UTM seperti tahun-tahun sebelum kerana menyedari bahawa majlis ini merupakan forum yang sesuai mendapat ramai ahli baru turut membuka kaunter pendaftaran ahli bersempena Majlis Sanjungan Budi Tahun 2023. Seramai enam ahli jawatankuasa PESUTM terlibat memudahcara sesi pendaftaran ini.

Memetik Kata-kata Alu-aluan Naib Canselor dalam Buku Gendermata yang diterbitkan khas bagi Majlis Sanjungan Budi Tahun 2023 dianjurkan bermatlamat "meraikan dan menzahirkan penghargaan kepada rakan-rakan kita yang telah menyumbang tenaga, masa dan idea serta memberikan sebahagian daripada kehidupan mereka demi kejayaan dan kelangsungan Universiti Teknologi Malaysia. Percayalah setiap jasa dan sumbangan yang telah anda curahkan kepada UTM biar sekecil zarah sekalipun, ia akan dibalas dengan sebaik-baik balasan oleh Allah." Majlis penuh gemilang yang bertema "Budi Bertahun Segunung Intan" dihadiri Naib Canselor UTM, Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Ahmad Fauzi Ismail, Pendaftar UTM Puan Nor Azidah Ismail, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Sanjungan Budi Tahun 2023, Yang Dipertua Persatuan Pesara UTM, Datuk Prof. Emeritus Dr. Ahmad Darus serta pegawai-pegawai Kanan UTM.





Pada majlis ini, empat kategori anugerah disampaikan. Kategori anugerah yang dimaksudkan terdiri daripada 108 penerima Anugerah Jasa Abadi (AJA). Anugerah ini diberikan kepada staf yang terdiri daripada pesara/bakal pesara wajib, pilihan atau atas sebab kesihatan (ASK) dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Disember pada tahun penganugerahan. Turut menerima anugerah ialah seramai 152 penerima Anugerah Jasa Bakti (AJB)(perkhidmatan genap 20 tahun), 24 penerima Anugerah Jasa Setia (AJS) (perkhidmatan genap 30 tahun) dan tiga orang penerima Anugerah Delima (AD) (perkhidmatan genap 40 tahun) iaitu terdiri daripada En Roslan Abdul Ghani, Prof. Madya Sr. Dr. Dzulkarnain@Zulkarnain Daud dan Umul Bahrin Abd Kadir bagi kategori ini masing-masing menerima cendera hati berupa goldbar serta sijil yang disampaikan oleh Naib Canselor UTM, Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Ahmad Fauzi Ismail.

Atur cara majlis turut diserikan dengan persembahan memukau dek lemah gemalai tarian Zapin oleh Kumpulan

Tarian Citra Dak Sinar, Johan Festival Tarian Rakyat Johor dan Johan Festival Kesenian Zapin Peringkat Kebangsaan 2023.

Sebelum majlis diakhiri dengan lagu keramat UTM "Keunggulan Terbilang" atur cara majlis diisi dengan ucapan Setiausaha Persatuan Pesara UTM 2023, En Roslan Abd Ghani, selaku wakil Pesara UTM Tahun 2023 diberi penghormatan menyampaikan "Ucapan Wakil Pesara." Dalam ucapan beliau turut berkempen kepada semua pesara yang hadir daftarlah menjadi Ahli Persatuan Pesara UTM dengan mengisi borang atau melalui aplikasi Laman Web rasmi MyPesara UTM. Yuran pendaftaran yang perlu dijelaskan sekali seumur hidup.

- Kumpulan Gred Jasa/Gred Khas RM60.00
- Kumpulan Pengurusan/Professional RM50.00
- Kumpulan Sokongan 1 RM40.00
- Kumpulan Sokongan 2 RM30.00

